

Idea-idea kewartawanan

Sif

Minatnya terhadap dunia kewartawanan banyak dipengaruhi oleh ibunya yang pernah bertugas sebagai wartawan sambilan Utusan Melayu suatu ketika dahulu.

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
syukran@kosmo.com.my

ms .29

KOSMO 5/12/06

PENSYARAH kelahiran Johor Bahru ini memiliki nama yang agak unik. Syed Agil Alsagoff, 36, nyata bertuah kerana diberi peluang untuk mengajar bidang yang diminatinya iaitu kewartawanan.

Melihat kembali latar belakang pendidikannya, beliau bermula di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam jurusan Sebaran Am, sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (UM) di peringkat sarjana dalam bidang penerbitan. Kini, beliau sedang sibuk mengikuti program ijazah kedoktoran dalam jurusan Polisi Media, juga di UM.

Dari aspek kerjaya pula, Syed Agil pernah berkhidmat sebagai pegawai perhubungan awam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor selama tiga tahun. Kemudian, beliau ditempatkan di bahagian penyelidikan Pusat Pengurusan Perniagaan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Pada masa itulah timbul minat untuk menjadi pensyarah. Saya pun memohon untuk menjadi tutor di Jabatan Komunikasi di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan diberi tugas untuk mengajar dalam jurusan kewartawanan.

"Selepas tamat pengajian sarjana, saya jadi pensyarah dan melihatnya sebagai satu peluang untuk melatih dan melahirkan mahasiswa yang berbakat dalam bidang media, kewartawanan, publisiti serta kemahiran berkomunikasi," kata Syed Agil ketika ditemui di pejabatnya di Kolej Kelima, UPM.

Selaku seorang pensyarah kewartawanan dan banyak terlibat dalam penulisan kreatif sejak usia muda, Syed Agil menyifatkan bidang ini cukup istimewa kerana ia membolehkan pengamal menyampaikan maklumat secara berkesan kepada orang ramai.

Malah jelasnya, pihak UPM turut memberi penekanan mengenai aspek pengurusan kepada pelajar kewartawanan. Maka, mereka boleh mengambil mata pelajaran berkaitan seperti pengurusan dan komunikasi korporat, selain *didedahkan dengan aspek pengurusan media.*

"Saya ingin melahirkan lebih ramai lagi wartawan yang berdikari, boleh buat tugas sendiri dan telatlah. Ini kerana kalau tengok pelajar sekarang, mereka kurang berani menampilkan idea-idea sendiri.

"Satu lagi, kewartawanan penyiasatan agak kurang berkembang di sini. Jadi, fakulti cuba untuk membekalkan pelajar dengan teknik-teknik kewartawanan sedemikian. Cuba kembangkan aspek laporan siasatan kerana mahu pelajar berani untuk meneroka idea dan mengupas isu-isu baru," katanya.

Lelaki ini pernah menghasilkan novel dengan pihak Penerbitan Pelangi, antologi cerpen bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, terlibat dengan Minggu Remaja pada tahun 1988 serta pernah menjawat jawatan tertinggi dalam Persatuan Penulis Johor.

Sama juga dalam kewartawanan hiburan, Syed Agil berpendapat bahawa skop itu kini memerlukan wartawan pelapis baru yang bersifat intelektual. Bukan sekadar berkisar kepada gosip-gosip artis, tetapi idea-idea yang boleh membangunkan industri hiburan.

Jelusnya, biarpun pelajar berada dalam sains teknologi, komputer atau sebagainya, mereka juga boleh menjadi wartawan dalam bidang yang dipelajari. Misalnya, pelajar jurusan ekonomi, mungkin mampu melaporkan berita ekonomi dengan lebih baik.

"Sebenarnya, banyak peluang boleh diterokai dalam bidang kewartawanan atau media. Dia boleh menjadi pembaca berita atau *pengendali rancangan. Untuk menjadi seorang wartawan yang baik, perlu ada idea yang kreatif dan berinovasi.*

"Maksudnya, bagaimana hendak kembangkan idea dan menjadikannya lebih bermakna kepada pembaca. Wartawan juga perlu buat banyak penyelidikan dalam isu yang hendak disampaikan.

"Antaranya dengan membuat perbandingan terhadap penulisan sedia ada. Sebab ada wartawan yang hanya melaporkan sahaja, kurang buat kajian apa yang ingin diperkatakan tentang sesuatu isu," katanya yang mengakui mementingkan irama jazz dan orkestra kontemporari.

Beliau sedar bahawa dalam media, wujud dasar dan peraturan yang perlu dipatuhi. Namun begitu, masyarakat menginginkan satu 'situasi baru' dalam dunia kewartawanan.

Logiknya, pengamal media berperanan menyalurkan maklumat dan memberi pengetahuan, di samping memastikan

segala informasi yang disampaikan adalah jelas, tepat dan mampu dirungki dengan bijaksana.

"Pelajar turut didedahkan dengan bidang kewartawanan secara praktikal menerusi penerbitan buletin fakulti dan akhbar *online*. Aktiviti ini sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan teknik-teknik pemberitaan dan penerbitan yang telah dipelajari.

Turut memegang tanggungjawab sebagai Pengetua Kolej, (Kolej Kelima, UPM), Syed Agil mahu membimbing pelajarannya agar mahir berkomunikasi, sama ada dalam bentuk penulisan dan penampilan, bukan sekadar cemerlang dalam akademik.

"Seorang pengetua bukan hanya perlu mengambil berat tentang kebijakan, atau kesihatan penghuni, tetapi membantu dalam pelaksanaan aktiviti yang diadakan di kolej," ujarnya lagi.



SYED AGIL ALSAGOFF

Alumni